

From: CEDI
Sent: Khamis, 21 September 2017 8:18 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli; Jauriyah bt. Shamsuddin
Subject: BULAN KEUSAHAWANAN SISWA 2017



Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi
CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE
Universiti Utara Malaysia

21 SEPTEMBER 2017 / 30 ZULHIJJA 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

**BULAN OKTOBER DIPILIH SEBAGAI BULAN KEUSAHAWANAN SISWA 2017
OLEH KPT**



CEDI ONLINE: Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah menetapkan bulan Oktober 2017 merupakan Bulan Keusahawanan Siswa 2017 melibatkan seluruh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

Seluruh IPT akan terlibat dalam menganjurkan dan menyertai program-program serta aktiviti-aktiviti keusahawanan di sepanjang bulan tersebut dimana ianya juga akan dimasukkan di dalam *Malaysia Book of Records*.

Universiti Utara Malaysia melalui CEDI juga telah merancang untuk mengadakan Ekspo Keusahawanan PKS & Pelajar dengan pelbagai aktiviti akan diadakan seperti jualan dan pameran produk PKS dan usahawan siswa, *Coffee Talk*, forum keusahawanan, *game challenge* dan sebagainya. Bulan keusahawanan Di UUM juga akan melibatkan penyertaan daripada beberapa IPT lain seperti Universiti UiTM Arau, UNIMAP dan Politeknik.

Majlis Pra Pelancaran Bulan Keusahawanan Siswa 2017 telah diadakan pada 17 September 2017 bertempat di Mydin Mall, Bukit Mertajam sempena *Siswapreneur Showcase* Kali Ke-4/2017. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato Kamel Bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Yang Berbahagia Dato Kamel turut menyampaikan sijil kepada semua IPT sebagai simbolik bermulanya Bulan Keusahawanan Siswa 2017. Pengarah Eksekutif CEDI, Dr. Mohd Najib Mansor mewakili UUM menerima sijil pada majlis tersebut.

Turut hadir pada majlis tersebut semua Pengarah-Pengarah Pusat Keusahawanan IPT.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

Smatb2017



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.